

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/5/2016

Muka surat: 8

Tajuk : FSGK mengadakan Seminar dan Bengkel Pengarahan Pentas

## FSGK mengadakan Seminar dan Bengkel Pengarahan Pentas

**KOTA SAMARAHAN:** Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerusi Program Drama dan Teater telah mengadakan Seminar dan Bengkel Pengarahan Pentas baru-baru ini.

Seminar itu disempurnakan dengan kehadiran pakar dalam bidang pengarahan drama dan teater iaitu Profesor Madya Dr Rohani Md. Yousoff.

Beliau yang merupakan bekas pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai pengalaman lebih 30

tahun dalam seni drama dan teater bukan sahaja dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Ternyata pemilihan Dr Rohani selaku penceramah jemputan bertepatan dengan objektif Program Drama dan Teater yang dibuka semula pada 2013 selepas beberapa tahun program tersebut dibekukan.

Dalam bengkel tersebut, Dr Rohani turut berkongsi pengalamannya sepanjang mencebur ke dalam bidang itu serta memberi pendedahan secara teori dan praktikal tentang teknik pengarahan

pentas.

Justeru, kepakaran beliau dalam bidang akademik dan industri ini sememangnya tidak dinafikan kerana sudah terlibat dalam pentas teater sejak awal 1970-an.

Kini beliau berkhidmat sebagai profesor madya di Pusat Asas dan Pendidikan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta pengarah Pusat Seni dan Kebudayaan UMT sejak 2015.

Penganjuran seminar yang berlangsung selama tiga hari di Panggung Ekperimen FSGK itu tertutup kepada penuntut program.

Diuruskan sepenuhnya oleh penuntut tahun ketiga sebagai syarat penilaian akhir markah dalam kursus Seminar Drama dan Teater yang ditawarkan dalam program tersebut.

Selain itu, ia bertujuan mencapai sebahagian daripada hasil pembelajaran ‘learning outcome’ bagi kursus Asas Pengarahan dan Seni Reka Pengarah.

Difahamkan pengaplikasian ilmu teori dan praktikal pengarahan merupakan tunjang utama keberhasilan pelajar Program Drama dan Teater dalam pementasan.



**KENANGAN:** Dr Rohani merakam kenangan bersama para pelajar Program Drama dan Teater, FSGK UNIMAS selepas tamat Seminar dan Bengkel Pengarahan Pentas di Kota Samarahan, baru-baru ini.

DISURAKAH UTH. OLIVIA AJAI

Bahagian Canselori